

Kenaikan harga minyak cetus tekanan

Penstrukturan subsidi harus berhati-hati supaya tidak jejas kehidupan rakyat

Oleh Mohamad Sofee Razak

MESYUARAT Jawatankuasa Kabinet Menangani Inflasi baru-baru ini menetapkan semua stesen minyak di sempadan Thailand dan Singapura dilarang menjual petrol dan diesel kepada kenderaan asing bagi mengelak penyeludupan, penyalahgunaan subsidi dan mengambil kesempatan ke atas harga minyak yang murah di negara kita.

Amaran jualan petrol dan diesel kepada kenderaan asing di sempadan Thailand dan Singapura adalah cadangan bijak dan praktikal Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam usaha menangani kemelut kenaikan harga minyak dunia dan memastikan subsidi disediakan dinikmati rakyat Malaysia sepenuhnya.

Larangan itu membabitkan semua stesen minyak yang terletak dalam lingkungan 30 hingga 50 kilometer di sempadan Malaysia-Thailand membabitkan Perlis, Kedah, utara Perak dan Kelantan serta Malaysia - Singapura, iaitu di beberapa daerah di Johor termasuk Kulai dan Johor Bahru.

Harga minyak petrol atau diesel Malaysia selepas diberi subsidi kerajaan jika dibandingkan dengan harga di Thailand adalah lebih tinggi, iaitu RM3.50 seliter (diesel) dan RM4 seliter (petrol), manakala Indonesia pula (RM2.57), Filipina (RM3.45), Singapura (RM5.07) dan United Kingdom (RM7.03) sedangkan di negara ini, hanya RM1.92 seliter (petrol) dan RM1.58 (diesel) seliter.

Ini membuka peluang kepada rakyat negara jiran hampir setiap hari mengambil kesempatan dan peluang merasai nikmat subsidi harga minyak tanpa kita sedari selama ini. Arahan bertulis mengenai larangan itu adalah mengikut peruntukan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 akan dikeluarkan kepada semua pemilik stesen minyak di kawasan yang dikenal pasti pada masa terdekat.

Wang yang digunakan untuk memberi subsidi petrol di negara ini adalah hasil kutipan cukai yang dibayar rakyat Malaysia dan tidak adil sekiranya dikongsi rakyat asing.

Tindakan kerajaan menyekat penjualan petrol dan diesel itu dengan serta-merta adalah langkah paling berkesan bagi memastikan rakyat di negara ini memperoleh

manfaat dan kebaikan sepenuhnya subsidi yang diperuntukkan kerajaan setiap tahun. Ketirisan yang berlaku selama ini menyebabkan subsidi yang diberikan kerajaan kepada pengguna jalan raya boleh dinikmati rakyat asing dan setiap liter petrol atau diesel yang dijual kepada pengguna, termasuk warga asing sebenarnya adalah wang rakyat Malaysia sendiri bukannya orang lain.

Jumlah subsidi yang ditanggung kerajaan untuk petrol, diesel dan LPG dari 2000 hingga 2007 adalah RM37.4 bilion, tidak termasuk kehilangan hasil cukai sebanyak RM48.8 bilion. Pada 2006, jumlah subsidi petrol, diesel dan LPG adalah RM7.3 bilion, manakala bagi 2007 pula RM8.7 bilion dan unjuran tahun ini adalah RM18.31 bilion dengan mengambil kira purata harga minyak mentah pada paras AS\$105 setong.

Jumlah ini sangat besar dan membebankan negara dan ia akan terus meningkat berikutan harga minyak mentah dunia yang terus melonjak sehingga mencecah lebih AS\$130 setong ketika ini. Tanggungan subsidi yang besar hanya merugikan rakyat dan akan menyekat pembangunan sosial serta menyebabkan negara terpaksa terus menanggung beban defisit fiskal yang besar.

Jumlah subsidi yang tinggi di Malaysia juga boleh menyebabkan kegiatan penyeludupan minyak berleluasa yang akhirnya negara dan rakyat yang menerima kesan dan bebannya.

Negara kini sudah sampai ke tahap yang mana jumlah subsidi diperuntukkan setiap tahun untuk bahan bakar seperti minyak, gas dan kumpulan lain sudah melebihi jumlah yang dibelanjakan untuk pembangunan dan pentadbiran negara.

Impak negatif apabila subsidi dikurangkan dengan boleh memberi kesan terhadap kenaikan harga makanan, barang, perkhidmatan dan lain-lain lagi yang akan memaksa kerajaan mencari kaedah dan mekanisme terbaik untuk menyalurkan penjimatan subsidi kepada golongan berpendapatan rendah, sama ada secara memberikan pampasan secara terus dan sebagainya.

Indonesia baru-baru ini menyumbang sejumlah AS\$1.5 bilion (RM4.8 bilion) wang tunai kepada penduduk miskin di negara itu untuk mengurangkan bebanan kenaikan harga minyak. Kerajaan republik itu ber-

tindak membuat pembayaran kira-kira AS\$30 (RM96) seorang kepada 10,000 penduduk dengan harapan untuk menanganai ketegangan sosial yang terdeteksi berikutan keputusan menaikkan harga minyak kepada hampir 30 peratus di negara itu.

Kenaikan berkenaan dijangka menyebabkan implikasi besar kepada harga makanan, elektrik dan pengangkutan meningkat di negara yang mempunyai seramai 225 juta penduduk dan hampir separuh daripada mereka berpendapatan kurang satu dolar sehari.

Kerajaan Indonesia terpaksa memotong semua subsidi minyak bagi mengelakkan peningkatan belanjawan negara berikutan kenaikan harga minyak di pasaran dunia yang terus melonjak. Kerajaan membelanjakan berbilion-bilion dolar bagi subsidi berkenaan yang bertujuan bagi mengurangkan beban penduduk miskin yang pada masa sama turut dinikmati golongan kaya.

Dengan menggunakan simpanan daripada pemotongan subsidi itu kerajaan bercadang memberikan sejumlah AS\$10 (RM32) sebulan kepada kira-kira 19 juta keluarga bagi tempoh satu setengah tahun akan datang, yang mana ia akan diserahkan melalui pejabat pos di seluruh negara itu.

Ekoran harga minyak global yang semakin memuncak, kelemahan mata wang dolar AS dikatakan punca utama harga minyak global melonjak kerana peluang pelaburan yang menguntungkan, di samping berpunca daripada spekulasi keterlaluan di pasaran sedangkan tidak ada masalah permintaan dan penawaran komoditi berkenaan selama ini.

Peningkatan berterusan harga minyak jika tidak dikawal akan memberikan tekanan hebat kepada dunia dan semua bersetuju bahawa ada banyak alasan dan punca yang mengakibatkan kenaikan harga minyak di pasaran dunia, termasuk kelemahan dolar AS ketika ini.

Selama ini dolar AS dijadikan kayu ukur kepada peningkatan harga yang disebabkan oleh perdagangan minyak global ketika ini terlalu bergantung kepada nilai mata wang itu.

Keadaan semasa turut diburukkan lagi dengan keengganan negara anggota Opec untuk menambah pengeluaran minyak kerana menganggap lonjakan harga semasa adalah disebabkan spekulasi berlebihan

yang berpunca daripada kelemahan ekonomi AS sehingga menyebabkan kejatuhan berterusan nilai dolar berbanding mata wang global khususnya euro dan yen Jepun.

Kontrak hadapan minyak mentah bermutu tinggi, 'Light, Sweet' bagi penghantaran Julai meningkat 75 sen atau AS\$132.94 satu tong dalam dagangan elektronik New York Mercantile Exchange (Nymex) di Asia baru-baru ini. Kontrak itu melonjak ke paras rekod AS\$135.09 pada 22 Mei lalu sejajar penyusutan terbesar dolar AS berbanding euro dan yen Jepun Mac lalu.

Pelabur global khususnya dana lindung nilai berebut membeli kontrak hadapan minyak mentah selepas ada jangkaan bahawa harganya akan terus melonjak sehingga ke paras AS\$200 setong menjelang 2010. Pelabur global juga melihat minyak mentah sebagai antara pelaburan terbaik untuk melindungi nilai pelaburan mereka dalam persekitaran inflasi tinggi dan ekonomi global yang tidak menentu ketika ini.

Pelabur berasakan portfolio ekuiti dan derivatif mereka tidak selamat dalam keadaan semasa yang tidak menentu, justeru membuat keputusan untuk beralih kepada kontrak komoditi, termasuk minyak mentah. Harga minyak mentah dijangka mampu naik ke paras AS\$150 setong tahun ini berikutan bekalannya yang tidak mampu menampung permintaan.

Sekiranya harga minyak mencecah sebanyak AS\$200 pada masa hadapan, masalah inflasi yang teruk akan berlaku di seluruh dunia, termasuk di Malaysia dengan harga barang dan perkhidmatan melambung dan menimbulkan pelbagai masalah sampingan lain seperti krisis makanan dan sebagainya.

Malangnya, inflasi dan krisis ekonomi lain ini akan lebih memberikan tekanan hebat kepada negara sedang membangun dan miskin. Mereka mungkin tidak dapat bertahan dan akan terus dibelenggu masalah lain. Oleh itu, sebarang penstrukturan subsidi harus dibuat secara berhati-hati supaya tidak menjejaskan kehidupan rakyat secara keterlaluan.

Penulis, lulusan Sarjana Komunikasi Massa dan Sarjana Muda undang-undang UiTM kini berkhidmat sebagai peguam bela dan peguam cara